



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

NRES TERIMA MEMORANDUM KEMBALIKAN DAK UNTUK DISERAH KEPADA ZOO TAIPING

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah menerima memorandum daripada Aktivis Sosial - Sekretariat Bahana Kesetiaan Negara berkaitan isu kembalikan tiga (3) ekor gajah Dara, Amoi dan Kelat (DAK).

Memorandum tersebut akan dipanjangkan kepada Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran Taiping, Tuan Mohamed Akmal bin Dahalan dan pihak pengurusan Zoo Taiping dan Night Safari (ZTNS) untuk diteliti dan diperhalusi bersama memandangkan ianya berada di bawah bidang kuasa ZTNS dan merupakan sebahagian daripada kerjasama rasmi antara Zoo Taiping & Night Safari dan Tennoji Zoo Osaka.

Memorandum itu diterima oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) NRES, Datuk Mas Rizal Mohd Hilmi; Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), Haji Mohd Azman Haji Mohd Ariffin; Timbalan Ketua Pengarah PERHILITAN, Dato' Fakhru Hata Musa dan Setiausaha Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan (BPBP), Siva Kumar a/ Solay Rajah di bangunan NRES, hari ini.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
24 APRIL 2026

